

NO SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

PERTANYAAN : LISAN [PM. 22 (5)]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016

**Y.B TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta MENTERI
KEWANGAN :-**

Menyatakan bagaimanakah biasiswa JPA untuk pelajar-pelajar cemerlang dibiayai untuk tahun 2017 memandangkan peruntukan 030600 Pembangunan Modal Insan di bawah Maksud Bekalan Jabatan Perkhidmatan Awam telah dipotong dari RM1,653,054,100 bagi tahun 2016 kepada 0 untuk tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, YB Menteri Kewangan II telah menjawab persoalan ini semasa sesi penggulungan peringkat Jawatankuasa bagi Maksud B10, B11 dan B12 pada 9 November 2016, boleh rujuk di Hansard Parlimen muka surat 102-103.

Seperti yang dimaklumkan, Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan berjumlah 1.6 bilion ringgit bagi biasiswa JPA yang dijangka memanfaatkan hampir 60,000 pelajar dan penjawat awam bagi penajaan baharu dan sedia ada, termasuk penajaan baharu bagi Skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Kumpulan Pelaksana seperti yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2017.